

# Masidi terima input pelengkapan kajian data trend penyebaran COVID-19

UB 4.12.2020 P.3

Oleh Vivi Olivia Najurus

**KOTAKINABALU:** Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan merangkap Menteri Kewangan II Datuk Seri Panglima Masidi Manjun menerima input pelengkapan kajian data berkenaan trend penyebaran COVID-19 di Negeri Sabah.

Input terbabit disampaikan pelajar pascasiswazah Fakulti Sains dan Sumber Alam, Universiti Malaysia Sabah Nazliah Ali semasa melakukan kunjungan hormat kepada beliau.

Turut hadir dalam delegasi terbabit ialah Ketua Program Sains Sekitaran Dr. Farrah Annis Fazliatul Adnan dan Dr. Siti Rahayu Mohd. Hisham, bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri, Wisma Innoprise.

Dalam pertemuan itu, Masidi turut menerima cadangan daripada Dr. Siti Rahayu berkenaan cadangan perlunya ada satu pengumpulan data berpusat yang berfungsi sebagai pangkalan data (database) untuk maklumat sokongan berkaitan dasar dan



**LAWATAN:** Masidi menerima lawatan delegasi Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS.

polisi kerajaan negeri, melalui penglibatan pembangunan maklumat berasaskan statistik dan kajian ilmiah daripada ahli-ahli akademik UMS.

Dalam pada itu, Dr. Far-

rah turut mengambil peluang berkongsi dengan Masidi, bahawa terdapat beberapa pusat dan unit kajian di Universiti Malaysia Sabah.

Salah satunya ialah STDC

(Small Islands Research Centre) di bawah Fakulti Sains dan Sumber Alam yang menjalankan pelbagai kajian berkenaan pulau-pulau di Sabah.